

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(A)19**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB. GOOI HSIAO-LEUNG**

19. Sehingga kini, apakah bantuan yang telah dipohon daripada Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat untuk menangani wabak COVID-19 di Pulau Pinang?
- (a) Apakah bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Pusat khususnya kepada Pulau Pinang?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

19. Kerajaan Negeri amat menghargai sumbangan agensi-agensi Kerajaan Pusat di Negeri Pulau Pinang dalam menangani penularan wabak COVID-19 terutama sekali Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Angkatan Pertahanan Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan lain-lain jabatan Persekutuan yang terlibat. Kerajaan Negeri akan bekerjasama dan bersama-sama berganding bahu dengan agensi kerajaan Persekutuan dalam menangani penularan wabak COVID-19 di Negeri Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri tidak memohon peruntukan yang khusus daripada Kerajaan Pusat bagi menangani wabak COVID-19 di Negeri Pulau Pinang setakat ini.

- (a) Kerajaan Negeri telah menerima peruntukan berjumlah RM 10 juta daripada Kerajaan Pusat untuk menangani krisis COVID-19 di Negeri Pulau Pinang. Peruntukan ini adalah sebagai menampung jumlah peruntukan sedia ada yang diberikan bagi membiayai bantuan kepada penjaja dan peniaga kecil serta bantuan keperluan asas kepada golongan berpendapatan rendah; pekerja harian yang pendapatannya terjejas akibat penularan COVID-19; bantuan kepada pesakit COVID-19 dan ahli keluarga mereka; serta menyediakan keperluan kepada petugas-petugas di peringkat Kerajaan Negeri yang terlibat dalam menangani krisis ini.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga menerima peruntukan berjumlah RM5 juta daripada Kerajaan Pusat bagi pelaksanaan projek berskala kecil di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020.